

12 AUG 2002  
Timor-Malaysia/I  
TIMOR LOROSAE ANGGAP MALAYSIA CONTOH TERBAIK

PUTRAJAYA, 12 Ogos (Bernama) -- Timor Lorosae, dahulunya dikenali sebagai Timor Timur, ingin mendapatkan bantuan Malaysia dalam pembangunan sosio ekonominya kerana ia menganggap Malaysia sebagai model terbaik dalam perancangan pembangunan dan pengurusan sumber.

Negara yang berasaskan pertanian tetapi memiliki sumber minyak dan gas yang besar yang belum diterokai itu, berhasrat untuk mengadakan usahasama dengan Malaysia dalam banyak bidang yang mungkin.

Perkara itu dinyatakan oleh Perdana Menteri negara itu, Dr Mari Bim Amude Alkatiri semasa pertemuan beliau dengan Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Dr Mari yang tiba di negara ini semalam, mengetuai delegasi peringkat tinggi 27 anggota, termasuk 17 orang ahli perniagaan, ke Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad, memberitahu sidang media selepas pertemuan lebih sejam kedua-dua perdana menteri itu, bahawa Malaysia bersedia untuk membantu Timor Lorosae dalam bidang pendidikan, pembangunan perusahaan dan pertanian, serta usahasama dalam industri minyak dan gas menerusi Petronas.

Malaysia juga bersedia untuk melatih pasukan polis dan tentera republik baru yang mempunyai kira-kira 800,000 penduduk itu.

Timor Lorosae menjadi sebuah negara pada 20 Mei 2002.

Sebelum itu, wilayah tersebut ditadbir oleh Pihak Berkuasa Peralihan Bangsa-Bangsa Bersatu di Timor Timur (UNTAET) bermula 1999 berikutan referendum yang dibuat memilih untuk keluar daripada Indonesia.

Timor Timur adalah sebahagian daripada Indonesia bermula 16 Julai 1976.

Ibu negara dan bandar terbesarnya adalah Dili yang mempunyai penduduk 65,000 orang. Ekonomi negara itu berasaskan perikanan dan pertanian dengan kadar pengangguran sebanyak 70 peratus.

Sumber aslinya termasuk minyak dan gas luar persisir. Eksportnya terdiri daripada kopi, minyak dan gas asli, balak, ikan, rempah, kelapa dan koko. Rakan dagang utamanya ialah Australia dan Portugal.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, ketika ditemui, pula berkata Malaysia akan melihat bagaimana dapat membantu Timor Lorosae menerusi pelaburan dalam sektor hiliran dan berorientasikan eksport.

Beliau berkata negara tersebut juga ingin mendapatkan nasihat Petronas dalam mengadakan kemudahan prasarana bagi membangunkan sektor minyak dan gas.

Untuk itu, delegasi negara itu akan bertemu para pegawai Petronas tengah hari ini.

Malaysia juga menawarkan pengalamannya dalam pentadbiran kerajaan, prasarana, pelaburan dan industri, katanya.

-- BERNAMA

SHO MR JR NMO